

|           |              |
|-----------|--------------|
| Newspaper | Sinar Harian |
| Date      | 15/07/2017B  |

# Tun M, Anwar *gandingan mantap*

Sinar Harian - 15/7/2017 Pg. 4

SHAH ALAM - Gandingan kepimpinan antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memantapkan lagi barisan kepimpinan Pakatan Harapan dalam mengemudi gabungan politik baharu di negara ini.

Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kedua-dua tokoh ini amat dekat dengan beliau sewaktu berada di dalam kerajaan, khususnya semasa Anwar masih menjadi anggota Kabinet kepada Tun Mahathir.

"Kini, kami kembali bertaut semula dalam saf perjuangan politik baharu bersama rakan-rakan seperjuangan yang lain untuk membawa Malaysia kembali ke landasan betul dan membina semula negara ini sebagai sebuah negara

sejahtera dan dihormati oleh dunia," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Muhyiddin berkata, struktur kepimpinan baharu ini diyakini akan mampu bergerak dengan lebih mantap untuk membela nasib rakyat.

"Ini adalah satu mercu tanda baharu dalam politik tanah air yang akan menggalas harapan rakyat untuk menyaksikan perubahan besar politik negara ke arah pembentukan sebuah kerajaan demokratik, adil dan menyantuni keperluan rakyat.

"Saya bersyukur ke hadrat ALLAH SWT kerana akhirnya Bersatu, PKR, DAP dan Parti Amanah telah mencapai kata sepakat untuk membentuk satu kesatuan politik yang lebih jitu dalam menghadapi PRU14," katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin turut menegaskan agenda Pakatan Harapan adalah



MUHYIDDIN

untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang melaksanakan tadbir urus baik serta memberi keutamaan kepada usaha memajukan ekonomi dan meringankan beban rakyat.

Beliau berkata, Pakatan Harapan juga akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat dalam skandal 1MDB dengan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCJ) dan

mendapatkan kembali wang rakyat yang dicuri.

"Ini termasuk dengan menghapuskan cukai barang dan perkhidmatan (GST), mengawal kenaikan harga barang, memerangi rasuah hingga ke akar umbi dan melakukan reformasi institusi termasuk menghadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri kepada dua penggal sahaja.

"Selain itu, tindakan juga akan diambil untuk memulihkan Felda dan membela nasib peneroka," katanya.

Beliau berkata, Pakatan Harapan juga akan terus mempertahankan Perlembagaan Malaysia termasuk kedudukan Islam sebagai agama persekutuan, hak setiap rakyat untuk mengamalkan agama masing-masing secara aman dan harmoni, kedudukan istimewa orang Melayu serta Bumiputera dan lain-lain lagi.

| JOM SOLAT                |  | SABTU • 15 JULAI 2017 • 21 SYAWAL 1438 |       |      |         |       |
|--------------------------|--|--|-------|------|---------|-------|
|                          | Rapatkan Saf, Teluskan Niat, Tulus Beribadah |  |       |      |         |       |
|                          | SUBUH  | SYURUK                                 | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| PERLIS                   | 5:48   | 7:11                                   | 1:27  | 4:51 | 7:39    | 8:55  |
| ALOR SETAR               | 5:48   | 7:09                                   | 1:27  | 4:51 | 7:39    | 8:54  |
| PULAU PINANG             | 5:50   | 7:11                                   | 1:27  | 4:51 | 7:38    | 8:53  |
| IPOH                     | 5:50   | 7:08                                   | 1:25  | 4:49 | 7:34    | 8:49  |
| KOTA BHARU               | 5:46   | 7:04                                   | 1:20  | 4:44 | 7:32    | 8:42  |
| KUALA TERENGGANU         | 5:39   | 7:02                                   | 1:16  | 4:40 | 7:26    | 8:41  |
| KUANTAN                  | 5:42   | 7:03                                   | 1:15  | 4:40 | 7:24    | 8:37  |
| KUALA LUMPUR • PUTRAJAYA | 5:48   | 7:10                                   | 1:22  | 4:46 | 7:30    | 8:45  |
| SHAH ALAM                | 5:48   | 7:10                                   | 1:22  | 4:46 | 7:30    | 8:45  |
| SEHEMBAN                 | 5:49   | 7:11                                   | 1:20  | 4:45 | 7:27    | 8:41  |
| BANDAR MELAKA            | 5:48   | 7:10                                   | 1:20  | 4:44 | 7:26    | 8:40  |
| JOHOR BAHRU              | 5:43   | 7:05                                   | 1:13  | 4:38 | 7:19    | 8:33  |